# PERINTAH GAJI MINIMUM 2024

| KADAR GAJI MINIMUM | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SERAGAM SELURUH NEGARA | BULANAN | HARIAN (BILANGAN HARI BEKERJA DALAM SEMINGGU) | | | SETIAP JAM |
| | | 6 | 5 | 4 | |
| | **RM1700** SEBULAN | **RM65.38** SEHARI | **RM78.46** SEHARI | **RM98.08** SEHARI | **RM8.72** SEJAM |

- Bagi pekerja yang tidak dibayar gaji pokok tetapi dibayar gaji ikut kerja *(piece-rate)*, berat tan *(tonnage)*, tugasan *(task)*, perjalanan *(trip)* atau komisen, kadar gaji bulanan hendaklah tidak kurang daripada kadar gaji minimum sebulan iaitu RM1,700.00.

## TARIKH KUAT KUASA

**1 Februari 2025**

- Seseorang majikan yang menggajikan lima (5) orang pekerja dan lebih
- Tanpa mengira jumlah pekerja yang digajikan, seseorang majikan yang menjalankan sesuatu aktiviti profesional yang dikelaskan di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (Malaysia Standard Classification of Occupations, MASCO) 2020

**1 Februari 2025 hingga 31 Julai 2025**

- Kadar gaji minimum yang terpakai adalah sebagaimana Perintah Gaji Minimum 2022 bagi majikan yang menggajikan kurang lima (5) orang pekerja

**1 Ogos 2025**

- Seseorang majikan yang menggajikan kurang lima (5) orang pekerja

## PEMAKAIAN

**PEMAKAIAN**

- Pekerja sektor swasta.
- Pekerja badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT) Sabah dan Sarawak [di bawah liputan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76)]

**TIDAK TERPAKAI**

- Pekhidmat domestik.
- Perantis.
- Pekerja badan berkanun dan PBT Semenanjung Malaysia.

**Rujukan : Perintah Gaji Minimum 2024; P.U. (A) 376 : 4 Disember 2024**

# KESALAHAN DAN PENALTI DI BAWAH AKTA 732

- Seksyen 43 : Bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi RM10,000.00 bagi setiap seorang pekerja;
- Seksyen 44 : Mahkamah boleh memerintahkan majikan untuk membayar perbezaan gaji pokok termasuk sebarang tunggakan gaji dan bayaran-bayaran lain;
- Seksyen 45 : Bagi kesalahan-kesalahan yang tidak dinyatakan dalam Akta, majikan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00;
- Seksyen 46 : Bagi kesalahan berterusan, majikan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1,000.00 sehari; dan
- Seksyen 47 : Bagi kesalahan berulang, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM20,000.00 atau hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun.




# GAJI MINIMUM

## Tafsiran

- **Gaji Minimum** : Gaji pokok (tidak termasuk elaun, kerja lebih masa, insentif atau apa-apa bayaran tambahan lain yang dibuat kepada pekerja).
- **Pekerja** : Semua pekerja swasta.

**Seksyen 2, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732)**

## PENAFIAN

Semua maklumat dalam risalah ini hanya merupakan penerangan ringkas mengenai gaji minimum dan tidak bermaksud untuk menggantikan undang-undang asal dalam Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732), dan Perintah Gaji Minimum 2024. Jika terdapat sebarang keraguan, dinasihatkan supaya menghubungi pejabat Sekretariat MPGN atau Pejabat Tenaga Kerja berdekatan.

**Sebarang aduan atau pertanyaan lanjut berkaitan gaji minimum, boleh menghubungi kami di talian:**

Hubungi kami
**082–242261**
**082–414062**

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93532 Kuching
Sarawak.

SCAN ME
LAMAN SESAWANG JTK SARAWAK

SCAN ME
BUKU PANDUAN CEGAH & BANTERAS AMALAN BURUH PAKSA & JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG